



GERAKAN
**MENGEKALKAN IPG
KAMPUS TAWAU**
DI BAHAGIAN PANTAI TIMUR
SABAH

**BERMULA 2005
BALUNG TAWAU**

DARI
MAKTAB PERGURUAN SANDAKAN

JIKA MENUBA IKAN DI LAUT
JANGAN MENIMBUS PASIR DI PULAU
JIKA DIPANGGIL AYUH LAH SAHUT
JANGAN DISURAI IPG KAMPUS TAWAU

JUSTIFIKASI MENGAPA IPGKT PERLU DIKEKALKAN BERDASARKAN PERBINCANGAN JAWATANKUASA BERTINDAK PENGEKALAN IPG KAMPUS TAWAU.

Institusi Pendidikan Guru Kampus Tawau merupakan satu satunya institusi latihan untuk melatih guru-guru pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan yang sangat **diperlukan untuk dikekalkan** di Bahagian Pantai Timur Sabah berdasarkan justifikasi berikut:

1. IPGKT membantu merencanakan ekuiti dalam pembangunan pendidikan, ekonomi dan proses urbanisasi di Pantai Timur Sabah khususnya di Balung, Tawau.
2. IPGKT membantu mempromosikan budaya tempatan seperti Persembahan budaya di Tarakan dan Bandung Indonesia
3. IPGKT sebagai HUB Penyelidikan Pendidikan sebagai Pusat Pengurusan Penyelidikan
4. IPGKT telah memberikan sumbangan yang cemerlang melalui program-program *OUTREACH* berbentuk motivasi dan khidmat masyarakat serta Pendidikan Abad 21.
5. IPGKT telah menjalin kerja sama dengan institusi pendidikan dalam dan luar negara.
6. IPGKT merupakan institusi rintis bagi program SISC pada tahun 2008 di Sabah.
7. IPGKT telah menawarkan kursus-kursus yang memudahkan pembangunan profesional berasaskan sekolah untuk guru sekolah rendah dan sokongan komuniti Pembelajaran Profesional seperti pihak JHEAINS, HUMANA, SABK, KEMAS/JPNIN dan guru-guru KAFA.
8. IPGKT tergolong dalam inisiatif mengkonfigurasi semula kampus IPG kerana telah mempunyai dua rekod di dalam Malaysian Book Of Record iaitu The Longest Micro Teaching dan The Longest Readton
9. IPGKT menjadi penyelaras bagi mengendalikan latihan berstruktur tahunan untuk mentor di sekolah. (Cadangan)

10. IPGKT mempunyai barisan pensyarah yang merupakan tutor yang telah membantu kemenjadian graduan pasca siswazah yang kompeten melalui kerja sama dengan OUM semenjak tahun 2010.
11. IPGKT kerap menjadi tempat lawatan penanda aras dari IPGK dan sekolah-sekolah dari seluruh Malaysia.
12. IPGKT wujud di Tawau Sabah sejak 2004 kesinambungan daripada Maktab Perguruan Sandakan yang menunjukkan naik taraf fungsi institusi pendidikan guru daripada Sijil kepada Diploma dan akhirnya menawarkan Ijazah Sarjana Muda.
13. Infrastruktur IPGKT telah menepati standard bertaraf IPTA.
14. IPGKT dapat membantu pengurangan risiko dan kos pengurusan pelaksanaan latihan perguruan dan kursus-kursus yang berkaitan pendidikan.
15. IPGKT mempunyai tenaga pengajar yang sangat berkelayakan dari segi akademik dan kepakaran yang dapat menjamin penyampaian latihan guru yang efektif dan efisien.

Cadangan:

1. Adalah dicadangkan IPGKT menjadi **pusat latihan pendidikan** di Bahagian Pantai Timur Sabah.
2. Sebagai usaha penjimatan pengurusan kos dan risiko institut latihan pendidikan di Sabah, IPGKT **mampu menampung** keperluan latihan pendidikan bagi seluruh negeri Sabah.
3. Kawasan Balung wajar dijadikan sebuah **HUB Pendidikan** dengan kewujudan sedia ada institusi pendidikan seperti IPGKT dan UiTM di samping membuka peluang kepada institusi pendidikan lain yang ingin dibangunkan.
4. IPGKT menawarkan **akses pendidikan yang praktikal** dari segi logistik dan geografi.
5. IPGKT **menggalas Hala Tuju Transformasi IPG** menjadi IPT utama untuk meningkatkan standard pendidikan di Malaysia melalui latihan dan pembangunan pendidikan guru di Bahagian Pantai Timur Sabah.

